


Beringat supaya Selamat

Bahagian A

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa



Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1.



Ibu _____ tangan adik ketika melintas jalan.

- A menghimpit C menuntun
B memimpin D menarik

2. Kak Niza mencuci ikan siakap itu menggunakan air asam jawa supaya tidak berbau _____.

- A hanyir C hancing
B tengik D hapak

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

3. I Setiap *alamat* menunjukkan bahawa dialah yang mencuri wang itu.
II "*Alamat*, dia telah makan nasi yang basi itu!" kata Kak Long Iffah.
III Bunyi guruh itu seolah-olah memberikan *alamat* bahawa hujan akan turun.

IV *Alamat* rumah yang tertera pada sampul surat itu tidak jelas.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

4. I Abang memang *kuat* makan.
II Tok Wan masih *kuat* walaupun usianya sudah menjangkau lapan puluh tahun.
III Almari yang terletak di penjuru bilik itu *kuat* buatannya.
IV Hujan yang *kuat* sejak pagi tadi telah menyebabkan banyak kawasan dinaiki air.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa** atau **mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

5. Cadangan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kantin sekolah saya akan panjangkan pada pihak atasan pada minggu hadapan.
A akan saya panjangkan kepada
B saya akan memanjangkan pada
C akan saya memanjangkan kepada
D saya akan panjangkan pada



6. Doktor itu mengambil masa kira-kira dua setengah jam supaya merawat mangsa kemalangan tersebut.
- A setengah dua jam supaya
 - B dua jam setengah untuk
 - C dua tengah jam untuk
 - D dua setengah jam supaya

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Kejayaan yang saya capai ini adalah dorongan daripada kedua ibu bapa saya.
II Perpustakaan Awam Negeri Kedah akan dianjurkan pertandingan bercerita bersempena dengan Kempen Dekad Membaca pada bulan hadapan.
III Bantuan pakaian dan makanan telah diberikan kepada mangsa-mangsa kebakaran itu.
IV Adik berlari-larian kerana mengejar kupu-kupu yang berterbangan di halaman rumah.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
8. I Keropok ini adalah pengeluaran sebuah anak syarikat milik usahawan tempatan.
II Tabiat menghormati orang yang lebih tua perlu dipupuk oleh ibu bapa sejak anak-anak kecil lagi.
III Ibu memasak kari kepala ikan untuk tetamu yang bertandang ke rumah.
IV Kenaikan harga petrol akan menyebabkan orang ramai menghadapi masalah kenaikan harga barang yang lain.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Linda berusaha untuk melupakan kejadian yang menimpa dirinya setelah dinasihati oleh Puan Junaidah.
- A Setelah dinasihati oleh Puan Junaidah, Linda berjaya melupakan kejadian yang menimpanya.
 - B Puan Junaidah berikhtiar untuk melupakan kejadian yang menimpa dirinya dan Linda.
 - C Setelah dinasihati oleh Puan Junaidah, Linda berikhtiar untuk melupakan kejadian yang berlaku kepada dirinya.
 - D Puan Junaidah mengingatkan Linda agar berusaha untuk melupakan kejadian yang menimpanya.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Seperti si buta mendapat tongkat

10. Peribahasa di atas membawa maksud
- A membuat sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh.
 - B bersikap sombong setelah memperoleh sesuatu.
 - C melakukan sesuatu perbuatan yang merugikan diri sendiri.
 - D sengaja mencari masalah yang akan menyusahkan diri sendiri.



Pemahaman Petikan

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

Hatta, maka pada suatu hari pergilah Si Bongsu melihat-lihat kolam ikan peninggalan orang tuanya. Didapatinya dekat kolam itu tujuh orang wanita baru sahaja selesai mandi dan sedang bersiap-siap untuk berangkat pulang. Maka berkatalah anak yatim piatu itu kepada tujuh orang wanita itu, "Jikalau tuan hamba tidak berkeberatan, *perkenalkanlah* kiranya saya turut sama."

Jawab tujuh orang wanita itu, "Jikalau saudara mahu, apa salahnya. Kami tidak keberatan sama sekali. Akan tetapi saudara sendirilah yang mahu ikut dengan kami dan kami tidak berkeberatan."

Kemudian tujuh orang wanita itu pun pergi dan diikuti oleh anak yatim piatu itu. Mereka menuju ke kayangan dengan mempergunakan pelangi sebagai tangganya. Tujuh hari tujuh malam, mereka berjalan, akhirnya sampailah mereka di kayangan. Setibanya di kayangan, maka anak yatim piatu itu melihat tujuh orang wanita yang diikutinya tadi sudah tidak ada lagi. Entah ke mana mereka itu menghilang. Fikirannya menjadi kusut. Tidak berapa lama kemudian, maka dilihatnya di tengah-tengah sebuah dusun ada sesuatu yang dijemur orang di bawah panas teriknya matahari. Benda itu kuning warnanya, berkilau-kilau ditimpa sinar matahari. Maka berkatalah anak yatim piatu itu di dalam hatinya, "Yang kuning kemilau itu tentu selonggok emas." Kemudian didekatinya, diperiksanya benda itu. Dilihatnya pula bahawa benda itu sedang dijaga oleh yang empunya. Maka anak yatim piatu itu pun bertanya kepada yang empunya emas itu, "Hai, dari manakah gerangan tuan mengambil emas sebanyak ini?"

Maka dijawab yang empunya, "Apa? Saudara kira yang saya jemur ini emas?"

Dipetik daripada prosa tradisional 'Asal Padi', Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Berdasarkan petikan prosa tradisional, perkataan *perkenalkanlah* membawa maksud

A izinkanlah. C iringkanlah.
B bawakanlah. D katakanlah.

Maka berkatalah anak yatim piatu itu di dalam hatinya, "Yang kuning kemilau itu tentu selonggok emas."

12. Ayat di atas merupakan teknik plot

A dialog.
B pemerian.
C monolog.
D monolog dalaman.

13. Apakah yang sedang dilakukan oleh tujuh orang wanita di tepi kolam?

A Sedang bermandi-manda di dalam kolam tersebut

- B Sedang bersembunyi di dalam kolam itu supaya tidak terlihat oleh Si Bongsu
C Sedang bersiap-siap untuk mandi di kolam tersebut
D Sedang bersiap-siap untuk pulang setelah selesai mandi

14. Mengapakah fikiran Si Bongsu menjadi kusut?

A Tujuh orang wanita melarang Si Bongsu mengikut mereka ke kayangan.
B Tujuh orang wanita yang diikuti oleh Si Bongsu ke kayangan telah hilang.
C Si Bongsu terpaksa berjalan selama tujuh hari tujuh malam untuk sampai di kayangan.
D Si Bongsu ditangkap kerana disyaki mencuri emas.



15. Yang berikut merupakan peristiwa yang berlaku dalam petikan di atas **kecuali**
- A Si Bongsu dan tujuh orang wanita berjalan ke kayangan selama tujuh hari tujuh malam.
 - B Si Bongsu melihat benda yang berwarna kuning di tengah-tengah sebuah dusun.

- C Si Bongsu dilayan dengan penuh mesra oleh tujuh orang wanita ketika berada di kayangan.
- D Si Bongsu dan tujuh orang wanita menggunakan pelangi sebagai tangga untuk pergi ke kayangan.